

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA**  
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN** : LISAN  
**DARIPADA** : TUAN MANOLAN BIN MOHAMAD  
**TARIKH** : 22 JULAI 2019 (ISNIN)

**SOALAN NO. 24**

Tuan Manolan bin Mohamad minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah program-program yang dijalankan bersama wanita-wanita Orang Asli untuk pembangunan keluarga dan komuniti mereka.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sentiasa prihatin melaksanakan pelbagai inisiatif untuk memastikan wanita-wanita Orang Asli tidak dipinggirkan daripada sebarang perancangan aktiviti yang boleh membantu membangunkan kapasiti mereka. Pada masa ini, masyarakat Orang Asli adalah di bawah satu jabatan khusus iaitu Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA).

Walaupun bagaimanapun Kementerian turut melaksanakan pelbagai program dan aktiviti bagi membantu mendaya upaya dan memperkasa wanita-wanita Orang Asli melalui Pejabat Pembangunan Wanita Negeri (PPWN). Selain itu PPWN turut berkolaborasi dengan JAKOA dan jabatan-jabatan lain untuk melaksanakan program serta berkongsi modul-modul yang sesuai dengan JAKOA bagi membolehkan JAKOA menjalankan program untuk pembangunan wanita Orang Asli.

Antara perancangan yang telah dijadualkan oleh PPWN Pahang ialah Program PACBE iaitu program pembangunan kapasiti bersama 200 orang wanita Orang Asli pada 2 Ogos 2019 Kg. Kuala Tahan, Jerantut, Pahang. Program yang sama juga akan diadakan untuk wanita Orang Asli di Cameron Highlands pada bulan September tahun ini.

Antara program anjuran JAKOA bersama wanita-wanita Orang Asli untuk pembangunan keluarga dan komuniti mereka adalah:

- (i) Program Penggalak Pembaca (3P) yang melibatkan seramai 45 orang pembimbing pengajar sukarelawan di kalangan wanita Orang Asli yang membantu mengajar konsep keseronokan belajar kepada sejumlah 187 kanak-kanak Orang Asli di 13 buah tempat operasi kelas 3P.
- (ii) Pusat kelas operasi Taman Bimbingan Kanak-Kanak (TABIKA) JAKOA yang bekerjasama dengan Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) bagi memberikan penerapan literasi pendidikan asas 3M (Membaca, Menulis dan Mengira) telah melibatkan seramai 411 Pembantu Pemaju Masyarakat (PPM) terdiri di kalangan beliawanis/wanita Orang Asli yang bergaji

## SOALAN NO. 24

- sebagai pembantu operasi TABIKA kepada sejumlah 4,981 kanak-kanak Orang Asli di 279 buah tempat operasi TABIKA ini.
- (iii) Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya (PLKK) yang berkonsepkan pemberian latihan kemahiran kerjaya dan penempatan kerjaya berpendapatan selepas selesai menjalani kursus telah melibatkan seramai 223 orang beliawanis Orang Asli yang melibatkan lapan kursus yang diceburi oleh mereka, antaranya Kursus Estetik, Kursus Dandanan Rambut, Kursus Manik Sulaman, Kursus Pembantu Operasi di Lapangan Terbang, Kursus Perhotelan, dan lain-lain lagi.

Selain itu, pada tahun ini, seramai 571 orang beliawanis/wanita Orang Asli terlibat secara langsung dalam perancangan dan pelaksanaan aktiviti pembangunan komuniti dan kampung Orang Asli melalui platform Majlis Pengurusan Komuniti Kampung Orang Asli (MPKK OA). Program ini diharapkan akan dapat memberi impak terutama kepada peningkatan pendapatan keluarga dan komuniti.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA**  
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN** : **JAWAB LISAN**  
**DARIPADA** : **TUAN AKNAN EHTOOK**  
**TARIKH** : **22 JULAI 2019 (ISNIN)**

**SOALAN NO. 28**

Tuan Aknan Ehtook minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk mengadakan semula perbincangan dengan *Interfaith Council* yang tidak bersetuju pada tahun 2009 bagi mewajibkan kursus pra perkahwinan untuk pasangan bukan Islam. Adakah perkara ini akan dipertimbangkan semula agar kursus ini dapat diwajibkan bagi memastikan pasangan bukan Islam dapat meningkatkan kualiti hidup berkeluarga.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian menerusi LPPKN telah mengadakan sesi libat urus dengan beberapa agensi dan NGO yang terlibat dengan kursus pra perkahwinan bukan muslim dan juga muslim pada 15 Februari 2019 dan pada 1 Mac 2019 bertujuan untuk mengenal pasti elemen/topik yang perlu ditambah nilai dalam Modul *SMARTSTART* mengikut kesesuaian dan keperluan semasa. Mesyuarat juga bersetuju untuk melatih jurulatih di kalangan NGO dan Badan Agama untuk persediaan penyampaian yang baik dan berkesan kepada kumpulan sasar.

Kementerian bersama Ketua Pengarah Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) telah mengadakan sesi perbincangan pada 4 Mac 2019 dan memutuskan pada masa ini **tidak berhasrat untuk mewajibkan kursus pra perkahwinan** terhadap pasangan bukan muslim yang ingin berkahwin. Namun begitu, bagi mempromosikan kursus pra perkahwinan kepada lebih ramai pasangan, Kementerian turut mencadangkan supaya:

- a) Pihak JPN dapat memaklumkan kepada pasangan yang mendaftar perkahwinan untuk menghadiri kursus persediaan pra perkahwinan *SmartStart* anjuran NGO di bawah LPPKN.
- b) Pengetahuan dan maklumat berkaitan persediaan perkahwinan dapat diberikan kepada pasangan yang ingin berkahwin melalui program-program anjuran rumah ibadat di Malaysia.

Mesyuarat bersama EXCO Wanita Negeri bersetuju agar bakal pengantin bukan Islam digalakkan untuk menyertai kursus *SMARTSTART* sebagai pra syarat mendapat insentif perkahwinan daripada negeri-negeri yang menyediakan insentif sedemikian seperti Selangor.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA**  
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN** : **JAWAB LISAN**  
**DARIPADA** : **PUAN ASMAK BINTI HUSIN**  
**TARIKH** : **22 JULAI 2019 (ISNIN)**

**SOALAN NO. 51**

**Puan Asmak Binti Husin** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk membangunkan dasar khusus bagi membangunkan lelaki sebagai ketua keluarga dan wali yang bertanggungjawab menguruskan kebajikan dan nafkah keluarga

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Malaysia secara prinsipnya mengamalkan konsep PATRIAKI dalam sistem sosialnya di mana lelaki merupakan ketua keluarga yang bertindak sebagai nakhoda di dalam sesebuah institusi keluarga. Peranan ini merupakan satu fungsi yang bersifat sejagat atau *universal* dan ia merentasi agama dan budaya.

Dalam konteks Islam, para bapa diwajibkan untuk menjadi ketua keluarga dengan menyediakan nafkah, mendidik anak-anak dan menyediakan keperluan asas keluarga daripada aspek rohani, jasmani serta mental.

Kementerian pada masa ini tidak berhasrat untuk membangunkan satu dasar khusus bagi lelaki untuk meningkatkan kesedaran dan tanggungjawab lelaki sebagai ketua keluarga. Ini kerana usaha untuk mengutamakan keluarga dalam segala usaha pembangunan sosio-ekonomi bagi melahirkan generasi berkualiti telah digariskan dalam Dasar Keluarga Negara (DKN) yang telah diluluskan oleh Jemaah Menteri pada Disember 2010. Dasar ini bertujuan membangunkan keluarga yang sejahtera, sihat dan berdaya tahan untuk memastikan kestabilan sosial. DKN dilengkapi dengan Pelan Tindakan Keluarga Negara (PTDKN) bagi memperincikan tindakan yang perlu diambil oleh Kementerian, jabatan dan agensi kerajaan, NGO, ahli akademik, sektor swasta dan anggota masyarakat. Tempoh pelaksanaan Pelan Tindakan ini adalah dari tahun 2010 hingga 2020.

Di samping itu, pihak Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) akan terus melaksanakan program dan perkhidmatan pendidikan kekeluargaan kepada masyarakat dengan mengambil kira penglibatan golongan bapa. Pada tahun 2019, LPPKN telah memperkenalkan satu inisiatif baru untuk kaum lelaki yang dikenali sebagai *MEN's Programme*. Program ini bermatlamat bagi meningkatkan penglibatan kaum bapa dalam bidang ekonomi, memberi pendidikan kekeluargaan dan pengetahuan tentang kesihatan reproduktif. Inisiatif ini akan melibatkan tiga program iaitu MyPapaCare, Seminar Kepimpinan

## SOALAN NO. 51

Lelaki dan *SRH For Boys* dengan penglibatan NGO melalui konsultasi bersama NGO bagi permohonan dasar bajet kepada Kerajaan.



**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA**  
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN** : **JAWAB LISAN**  
**DARIPADA** : **LAKSAMANA PERTAMA (B) HAJI**  
**MOHAMAD IMRAN BIN ABD HAMID**  
**TARIKH** : **22 JULAI 2019 (ISNIN)**

**SOALAN NO. 54**

**Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran Bin Abd Hamid** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan mengapa Jawatankuasa Program Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) dijadikan sebagai sebuah Pertubuhan Pemulihan Dalam Komuniti memandangkan kewangan PDK bergantung kepada geran Kerajaan. Sekiranya ia diteruskan bolehkah Kerajaan memastikan geran untuk mereka setiap tahun mencukupi dan gaji tenaga pengajar dipertingkatkan sesuai dengan kelayakan akademik mereka miliki.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) telah diperkenalkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) pada tahun 1984 yang dipelopori oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO). Menurut WHO Program PDK didefinisikan sebagai satu strategi di dalam pembangunan komuniti untuk rehabilitasi, penyamaan peluang dan intergrasi sosial OKU melalui pendekatan multisektoral dengan penglibatan aktif OKU, keluarga, dan masyarakat setempat dengan di sokong oleh agensi kerajaan, swasta dan pemimpin tempatan dalam perkhidmatan kesihatan, pendidikan, vokasional dan sosial menggunakan sumber tempatan.

Pada masa ini terdapat sebanyak 556 buah pusat PDK yang beroperasi di seluruh negara, yang memberi manfaat kepada 19,779 OKU melibatkan 3,305 orang penyelia dan petugas di bawah pengurusan dan pentadbiran Jawatankuasa PDK.

Mulai Mei 2017, tujuh buah PDK baharu menjadi perintis kepada permulaan pendaftaran Jawatankuasa Program PDK kepada Pertubuhan PDK. Manakala sehingga 2018, sebanyak 554 buah PDK sedia ada telah berdaftar dengan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM). Arahannya mengambilkira pandangan dan nasihat Penasihat Undang-Undang bagi memastikan PDK berdaftar dan memudahkan agihan peruntukan Kerajaan mengikut peraturan kewangan sediaada.

Tuan Yang di-Pertua,

Jawatankuasa Program PDK dijadikan sebagai sebuah Pertubuhan PDK yang berdaftar dengan JPPM adalah untuk menjadikan PDK sebagai *Legal Entity* yang memudahkan pihak Kementerian dan Jabatan membuat pemantauan dari aspek pengurusan, pentadbiran, kewangan dan operasi Program PDK. Usaha seumpama ini juga akan dapat menghasilkan sistem pemantauan yang lebih cekap dan berkesan serta dapat meningkatkan intergriti dalam pengurusan kewangan.

## SOALAN NO. 54

Bantuan Kewangan berbentuk Geran PDK diagihkan bagi menggalakkan penyertaan dan penglibatan NGO dalam program dan khidmat kebajikan. PDK juga merupakan salah satu rakan kongsi Kementerian dalam menyediakan perkhidmatan kebajikan yang terbaik kepada masyarakat yang memerlukan, di samping perkhidmatan yang telah disediakan oleh kerajaan selaras dengan Subseksyen 33 (4), Akta Orang Kurang Upaya 2008 [*Akta 685*] memperuntukkan bahawa yang mana 'pertubuhan bukan kerajaan hendaklah mengambil langkah yang sesuai untuk menggalakkan dan mengukuhkan program rehabilitasi berasaskan komuniti untuk menyediakan intervensi awal, rehabilitasi dan latihan bagi orang kurang upaya dalam komuniti mereka sendiri melalui penyertaan aktif komuniti.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA**  
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN** : **JAWAB LISAN**  
**DARIPADA** : **PUAN HAJAH RAHEMAH BINTI IDRIS**  
**TARIKH** : **22 JULAI 2019 (ISNIN)**

**SOALAN NO. 111**

**Puan Hajah Rahemah Binti Idris** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan rangka pendekatan untuk membanteras ketagihan pornografi di kalangan kanak-kanak seperti mana laporan kajian yang dikeluarkan oleh Malaysian Against Pornography (MAP) yang mendedahkan 80 peratus kanak-kanak berusia 10 hingga 17 tahun telah menonton pornografi secara sengaja.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Mutakhir ini isu pornografi menjadi satu isu yang semakin serius di dalam masyarakat. Menurut Dr. Judith Reisman (2008), yang merupakan presiden *Institute for Media Education* di Pennsylvania, bagi golongan kanak-kanak dan remaja pornografi memberikan kesan amat buruk kepada otak. Otak mempercayai apa sahaja yang dipaparkan dan inilah yang akan berlaku pada minda kanak-kanak dan remaja. Menurut satu kajian yang dibuat oleh Universiti Cambridge ketagihan pornografi ini juga boleh di anggap sama seperti mereka yang ketagihan dadah dan alkohol.

Kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia Ke-5 yang dilaksanakan oleh Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) pada tahun 2014 mendapati bahawa 35.3% remaja terdedah kepada bahan lucah dan sumber utama adalah daripada internet (60.8%). Sumber utama kepada pornografi ini adalah melalui gajet yang mempunyai akses kepada internet seperti telefon pintar.

Kerajaan sedar dan prihatin dengan isu-isu ini dan pelbagai usaha telah dirancang bagi mengatasi masalah ini. Pihak Kementerian telah memperkenalkan *Child Online Policy* (COP) di mana ia merupakan satu dasar yang melibatkan pelbagai pemegang taruh bagi memastikan kanak-kanak dilindungi di alam maya termasuk ancaman pornografi. Melalui dasar ini, agensi lain juga terlibat dalam menyediakan program-program pendidikan kepada masyarakat umum berkaitan keselamatan siber termasuk isu pornografi seperti program klik dengan bijak oleh Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia.

Kementerian melalui LPPKN juga telah melaksanakan program-program pendidikan kepada ibubapa dan masyarakat setempat dalam menangani keselamatan anak dan keluarga khususnya dalam isu pornografi. Melalui program Pendidikan Keselamatan Keluarga dan Anak (PEKA) yang diperkenalkan pada tahun 2017, sehingga kini seramai 400 orang fasilitator telah dilatih yang terdiri daripada pelbagai agensi dan NGO. Dari tahun 2017 hingga Mac 2019, sebanyak 286 program telah dilaksanakan

dengan melibatkan sebanyak 8,186 orang daripada ibu bapa di peringkat komuniti telah mendapat manfaat. Kementerian amat mengalu-alukan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat untuk melaksanakan program seumpama ini di kawasan masing-masing.

LPPKN telah mempertingkatkan kerjasama dengan NGO yang mempunyai modul latihan berkaitan pornografi dan jenayah seksual terhadap kanak-kanak seperti Pertubuhan IKRAM Malaysia melalui modul *Malaysia Against Pornography* dan Persatuan WADAH Pencerdasan Umat Malaysia melalui modul Sekeluarga Tolak Pornografi (STOP). Kementerian juga telah memanjangkan kerjasama ini melibatkan agensi Kerajaan seperti Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia, PDRM serta pelbagai NGO lain seperti Cyber Security dalam penganjuran Forum 'Keibubapaan Di Alam Siber' pada 3 November 2018 bersempena sambutan Bulan Keluarga Kebangsaan. Melalui kerjasama ini, pendidikan berkaitan pencegahan bahan pornografi dan keselamatan kanak-kanak di alam siber disebar kepada umum melalui bengkel latihan modul kepada ibu bapa, guru, pendidik dan masyarakat melalui kerjasama dengan NGO tersebut.

Kementerian meneruskan usaha ini dengan penganjuran Forum '*Digital Parenting and Child Online Protection*' dengan kerjasama UNICEF pada 20 Jun 2019. Topik berkaitan keselamatan kanak-kanak di alam siber, jenayah seksual kanak-kanak akan terus dibincang dalam Forum Keibubapaan Kreatif Mendepani Cabaran Alaf Baru pada 13 Julai 2019 serta forum kekeluargaan yang akan diadakan LPPKN dan kerjasama NGO pada 2 November 2019 dan 16 November bersempena keluarga kebangsaan tahun 2019.

Kementerian juga telah bekerjasama dengan NGO IKRAM bagi menghasilkan video iklan di YouTube berkaitan perlakuan jenayah seksual kepada kanak-kanak bawah umur pra sekolah (2-4 tahun) pada 24 Jun 2019 agar mereka membezakan tentang sentuhan selamat dan tidak selamat.

Modul SRH 4Boys diperluaskan pada tahun 2019 kepada 180 peserta meliputi lima sekolah sukan di seluruh negara sepanjang Julai 2019.

## **SOALAN NO. 111**

Namun isu pokok dalam menangani pornografi ialah peranan ibu bapa dalam menerapkan nilai-nilai murni kepada anak-anak dan ahli keluarga yang lain. Semua ini haruslah bermula di rumah dan ibu bapa perlu menjadi role model kepada anak-anak.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA**  
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN** : **JAWAB LISAN**  
**DARIPADA** : **PUAN RAJMUNNI BINTI SABU**  
**TARIKH** : **22 JULAI 2019 (ISNIN)**

**SOALAN NO. 132**

**Puan Raj Munni binti Sabu** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan adakah Kerajaan mempunyai perancangan untuk melaksanakan ruang mesra anak autisme di pusat membeli-belah utama.



**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Perancangan dan program berkaitan Orang Kurang Upaya (OKU) di Malaysia yang meliputi semua kategori OKU termasuk autisme adalah berteraskan kepada Dasar Orang Kurang Upaya, Akta Orang Kurang Upaya 2008 dan Pelan Tindakan Orang Kurang Upaya 2016-2022.

Oleh yang demikian, semua perancangan dan program yang melibatkan OKU seperti ruang mesra OKU di dalam dan luar bangunan akan meliputi semua kategori OKU termasuk ruang yang mesra anak autisme di pusat membeli-belah utama.

Kerajaan terus berusaha untuk meningkatkan kesedaran pemilik premis perniagaan untuk meningkatkan aksesibiliti OKU melalui program-program seperti *Disability Equality Training* (DET) dan *Disability Related Services Training* (DRST)

Selain daripada itu, Jawatankuasa Reka Bentuk Sejagat dan Alam Bina, Majlis Kebangsaan Bagi Orang Kurang Upaya turut melaksanakan audit akses secara berkala dengan kerjasama pelbagai pihak bagi memastikan lebih banyak bangunan dan premis mesra OKU dan menepati MS 1184.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA**  
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**  
**DARIPADA : DATO' SRI KHAIRUDIN SAMAD**  
**TARIKH : 22 JULAI 2019 (ISNIN)**

**SOALAN NO. 8**

**Dato' Sri Khairudin Samad** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan usaha-usaha kerajaan dalam menangani isu kanak-kanak dan warga emas yang dijadikan ejen meminta sedekah dari pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA**  
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**  
**DARIPADA : PUAN SOPIAH BINTI SHARIF**  
**TARIKH : 23 JULAI 2019 (SELASA)**

**SOALAN NO. 116**

**Puan Sopiah Binti Sharif** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah usaha kerajaan dalam membendung masal lambakan peminta-peminta sedekah dari negara asing yang berada di negara kita dari berleluasa.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mohon izin untuk menjawab pertanyaan ini bersekali dengan pertanyaan YB Senator Puan Sopiah binti Sharif pada 23 Julai 2019 kerana pertanyaan ini saling berkait.

Tuan Yang di-Pertua,

Antara langkah-langkah yang diambil bagi mengurangkan isu pengemis kanak-kanak dan dewasa adalah:

- i) Kementerian bertindak sebagai urus setia kepada Sekretariat Menangani isu Golongan Gelandangan Bagi Membanteras Pengemisan di peringkat nasional dan jawatankuasa ini di anggotai juga oleh Kementerian Dalam Negeri (KDN), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) dan agensi yang berkaitan. Jawatankuasa ini berperanan menyelaras program serta merangka tindakan bersepadu antara agensi-agensi kerajaan dan pertubuhan sukarela yang berkaitan.
- ii) Menjalankan Operasi Bersepadu, Berjadual dan *Ad-hoc*. Antara agensi yang terlibat dalam Operasi Bersepadu adalah Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Jabatan Imigresen Malaysia, Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), Jabatan Pendaftaran Negara, Jabatan Agama Islam dan Jabatan Kesihatan. Dalam operasi bersepadu ini setiap agensi akan mengenal pasti mereka yang diselamatkan. Setiap agensi akan mengambil tindakan terhadap kumpulan sasar masing-masing mengikut bidang kuasa agensi. Sehingga Disember 2018, JKM telah menjalankan **2,584** operasi menyelamatkan pengemis iaitu **302** operasi bersepadu, **941** operasi berjadual dan **1,341** operasi *Ad-hoc* di seluruh negara. Melalui Operasi tersebut seramai **3,472** orang pengemis telah diselamatkan melibatkan **355** orang kanak-kanak dan **3,117** orang dewasa.

- iii) Jika didapati pengemis yang diselamatkan adalah kanak-kanak, mereka akan terus dirujuk kepada Pelindung untuk diambil tindakan mengikut Akta Kanak-Kanak 2001. Manakala pengemis dewasa warganegara yang tidak mempunyai waris, berumur di bawah 60 tahun akan ditempatkan di Desa Bina Diri (DBD), dan pengemis yang berumur 60 tahun dan ke atas pula diberikan penjagaan dan perlindungan di Rumah Seri Kenangan (RSK) di bawah jagaan JKM. Bagi pengemis bukan warganegara akan dirujuk kepada Jabatan Imigresen Malaysia manakala pengemis yang merupakan pelarian (*refugee*) akan dirujuk kepada UNHCR.
  
- iv) Jumlah kempen kesedaran yang telah dilakukan oleh Kementerian sejak tahun 2015 adalah program “Bijak Membantu, Elak Tertipu” dan sehingga Disember 2018, sebanyak 150 kempen telah diadakan.

Walau bagaimanapun, penguatkuasaan melalui operasi menyelamatkan pengemis kurang berkesan andainya orang awam tidak bersungguh-sungguh untuk sama-sama membanterasnya aktiviti pengemisan dengan terus memberikan sumbangan kepada golongan ini.

Kementerian ini menyarankan agar orang ramai yang ingin memberikan derma kepada golongan yang memerlukan boleh menghubungi Yayasan Kebajikan Negara (YKN) supaya usaha untuk menderma ini dapat dikoordinasi dan dipantau. Sila layari laman web YKN untuk mendapatkan maklumat akaun sumbangan di alamat [www.yknm.org](http://www.yknm.org) atau melalui Facebook/Instagram YKN.